

Muhyiddin boleh satukan semula orang Melayu



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN



SHAHIDAN KASSIM

KOTA BHARU: Kenyataan Datuk Seri Mohamad Hasan bahawa pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin boleh diubah bagi membolehkan beliau kembali kepada UMNO bukan pandangan rasmi parti.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 'jemputan' tersebut sekadar pandangan peribadi Timbalan Presiden UMNO itu kerana ia tidak dibincangkan di peringkat Majlis Tertinggi (MT).

"Jemputan itu daripada individu, kita individu-individu dalam parti memang bebas bercakap, nak jemput sesiapa terserah tetapi setakat ini memang tidak dibawa ke mesyuarat MT," kata beliau selepas menyerahkan sumbangan kebajikan kepada veteran Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM) sempena Program Cakna ATM di Wakaf Mek Zainab di sini semalam.

Di George Town, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman** mengalu-alukan sekiranya Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menyertai semula UMNO.

Ahli Parlimen Pasir Salak itu berkata, keputusan tersebut bukan hanya dapat memperkukuhkan semula UMNO malah dapat menyelesaikan isu-isu berbangkit lain berkenaan parti.

Ditanya kemungkinan wujudnya konflik khususnya berkaitan jawatan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Ahmad Hamidi jika Muhyiddin kembali, Tajuddin

berkata, perkara tersebut tidak sepatutnya menjadi isu kerana akan ditentukan oleh ahli-ahli UMNO.

Di Kangar Ahli Majlis Tertinggi UMNO, **Datuk Seri Shahidan Kassim** melihat kemungkinan Muhyiddin ke dalam UMNO sebagai perkembangan baik untuk perpaduan orang Melayu.

Bagaimanapun, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis itu, perkara tersebut hanya satu cadangan dan apa jua keputusan mengenainya bergantung pada MT parti.

"Secara peribadi saya menyokong penuh sekiranya Muhyiddin kembali ke pangkuan UMNO, malah akar umbi juga dijangka menyambut baik kemungkinan itu," kata Shahidan.

UM - 27/7/2020 ml: 8